

Program Vanakam Pagi Dalam Pengurusan Emosi Murid PPKI

Viknesh a/l Ramachandran^{1*}, Daisykavani a/p Raja Mohan²

¹SJK T Paya Rumput , ²SK Tun Syed Ahmad Shahabudin

*viknesh.vicky@gmail.com

ABSTRAK

Emosi secara amnya ditakrifkan sebagai tindak balas seseorang terhadap sesuatu peristiwa dan juga persekitaran. Keceluaran emosi atau gangguan emosi dalam kalangan murid berkeperluan khas terutamanya pada waktu pagi menjadi cabaran utama warga pendidik dalam menjalankan proses Pengajaran dan Pemudahcaraan di dalam kelas. Murid-murid bekeperluan khas yang mengalami gangguan emosi berkecenderungan menunjukkan tingkah laku yang kurang sesuai dan berterusan untuk satu jangka masa sehingga mengganggu PdPc. Memahami dan mengurus emosi murid yang sememangnya mempunyai pelbagai ketidakupayaan adalah penting kerana kelancaran rutin harian murid tersebut bergantung sepenuhnya pada emosi murid tersebut pada waktu pagi. Oleh yang demikian penulisan amalan terbaik ini bertujuan mengenalpasti keberkesanan "PROGRAM VANAKAM PPKI" dalam menangani isu keceluaran emosi dalam kalangan murid berkeperluan khas di SJKT Paya Rumput. Program ini merangkumi rangkaian aktiviti yang pelbagai agar dapat merangsang emosi murid yang lebih stabil sebelum sesi PdPc dimulakan di dalam kelas. Program ini melibatkan seramai 6 orang murid PPKI yang berkefungsian rendah di PPKI SJKT Paya Rumput. Data bagi pelaksanaan Program Vanakam PPKI ini adalah dengan temu bual, senarai semak dan laporan harian. Data yang dikumpul akan dianalisis secara deskriptif dan naratif. Dapatkan data daripada pelaksanaan Program Vanakam PPKI selama sebulan menunjukkan perkembangan positif terhadap emosi murid. Murid menunjukkan perlakuan yang sopan dan tenang.

Kata kunci: emosi, program vanakam pagi, proses pengajaran dan pemudacaraan.

Pengenalan Amalan Terbaik

Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran) merupakan program yang direka khas bagi murid - murid berkeperluan Pendidikan khas (MBPK). MBPK ini boleh dikategorikan kepada 3 cabang utama iaitu Ketidakupayaan Pendegaran, Ketidakupayaan Penglihatan dan Masalah Pembelajaran. Kebanyakan MBPK (Masalah Pembelajaran) mengalami pelbagai ketidakupayaan dari segi intelektual, tingkahlaku, sensori, komunikasi, sosial dan juga fizikal (Kaur, 2011; Yasin 2005). Mengikut kajian Bonifacci, Montuschi, Lami, & Snowling (2014) dan Delany (2017), kanak- kanak MBPK mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran membaca, menulis, menaakul dan mengira serta mengalami tahap kefungsian yang jauh lebih rendah berbanding dengan individu- individu yang normal. Tahap keyakinan diri golongan ini juga jauh lebih rendah berbanding individu-individu yang lain.

Golongan berkeperluan khas ini bukan sahaja mengalami kepelbagaian dalam ketidakupayaan malah mereka sering dikaitkan dengan isu tingkah laku yang menjadi pengaruh utama emosi mereka (Latif et.al., 2017). Tingkah laku disruptif dan emosi yang kurang stabil ini sering menjadi penghalang kepada murid berkeperluan khas dalam mengikuti sesi PdPc dengan baik dan interaksi sosial yang diperlukan dalam rutin kehidupan mereka. Menurut Zaharah (2016), mengurus emosi dengan baik dapat mengembangkan kemahiran kognitif, sosial, dan rohani.

Selain itu emosi murid yang tidak menentu ini juga sering menjadi cabaran utama guru dalam merancang dan melaksanakan sesi PdPc yang berkesan di dalam kelas terutamanya pada waktu pagi. Guru-guru Pendidikan Khas perlu lebih peka dan faham terhadap kepelbagaian diri murid-murid berkeperluan Pendidikan Khas. Menurut Ho (2005), guru pendidikan khas seharusnya peka dan sensitif terhadap kepelbagaian diri murid kerana golongan berkeperluan ini juga mengalami masalah emosi yang tidak stabil. Menurut Loy (2017), kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran guru memainkan peranan terhadap perkembangan emosi kanak-kanak yang mampu membentuk perwatakan imej kendiri mereka.

Objektif Kajian

1. Mempengaruhi tingkah laku murid ke arah yang lebih positif.
2. Meningkatkan keupayaan kognitif (pemikiran) murid PPKI
3. Menghasilkan motivasi belajar dalam aspek afektif (emosi) yang positif.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Program Vanakam Pagi ini telah diusulkan dalam mesyuarat Program Pendidikan Khas Integrasi setelah guru melakukan pemerhatian terhadap isu keceluaran emosi dalam kalangan murid-murid PPKI di SJKT Paya Rumput.


Pra Pelaksanaan Program Vanakam Pagi

Sebelum Program Vanakam Pagi diusulkan dalam mesyuarat PPKI bersama para pentadbir sekolah, satu draf perancangan pelaksanaan Program ini telah disediakan sebagai panduan kepada guru dan pentadbir berkenaan dengan aktiviti yang bakal dijalankan. Program Vanakam Pagi ini telah diadaptasi daripada komponen rutin pagi Prasekolah yang dinamakan sebagai “Perbualan Pagi.” Draf ini telah disediakan berdasarkan hasil perbincangan bersama guru-guru PPKI. Maklumat berkenaan latar belakang murid telah dikumpul dengan sesi temu bual bersama ibu bapa agar program yang dirancang memberi impak yang positif terhadap perkembangan emosi murid. Pengumpulan data berkenaan latar belakang murid memainkan peranan penting kerana kegagalan guru dalam mengenal pasti keperluan dan masalah yang dihadapi murid akan mempengaruhi penglibatan murid dalam aktiviti PdPc di dalam kelas. Secara tidak langsung murid-murid yang mengalami keceluaran emosi ini sukar memberi tumpuan dan tidak bersedia untuk mengikuti sesi PdPc yang telah dirancang oleh guru. Schonert- reichl (2017) dalam kajian beliau mendapati kekurangan pengetahuan dan kemahiran berkenaan pengurusan kelas menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid. Perancangan yang rapi telah dibuat agar program

yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik. Berikut adalah gambar rajah bagi 3 fasa pelaksanaan Program Vanakam Pagi ini:

Rajah 1

Perancangan Pelaksanaan Program Vanakam Pagi Dalam Pengurusan Emosi Murid PPKI



Perancangan Pelaksanaan Amalan Terbaik “Program Vanakam PPKI”.

Jadual 1
Perancangan Pelaksanaan Amalan Terbaik “Program Vanakam Pagi”

FASA	AKTIVITI
Fasa 1	<ol style="list-style-type: none">1. Mengenal pasti isu murid PPKI semasa mengikuti sesi Pdpc di waktu pagi persekolahan.2. Perancang dan Pelaksanakan :<ul style="list-style-type: none">• Pemerhatian terhadap tingkah laku murid di dalam kelas setiap pagi• Temu bual bersama guru-guru dan ibu bapa.• Mengumpul maklumat berkenaan latar belakang murid.• Menyediakan draf Program Vanakam PPKI.• Mengusulkan Program Vanakam Pagi dalam Mesyuarat

Fasa 2	<ol style="list-style-type: none">1. Pelaksanaan Program Vanakam PPKI.2. Program ini dijalankan sepanjang tahun yang melibatkan semua warga PPKI, SJK T Paya Rumput.3. Antara aktiviti yang dijalankan dalam Program Vanakam PPKI<ul style="list-style-type: none">• Sarapan bersama murid• Tarian Kratif• Terapi Muzik• Senaman Pagi• Terapi Cara Kerja• Aktiviti Perkebunan• Aktiviti kerohanian (keagamaan)• Morning walk (berjalan di kawasan sekolah)4. Aktiviti yang dijalankan rekodkan dalam buku laporan Vanakam PPKI.
Fasa 3	<ol style="list-style-type: none">1. Menilai keberkesanan Program Vanakam Pagi dalam mempengaruhi emosi murid di waktu pagi2. persekolahan.3. Perbincangan bersama guru-guru PPKI berkenaan isu semasa berkenaan pelaksanaan program.4. Penambahbaikan Program Vanakam PPKI.

QR Code bagi Gambar dan Video Pelaksanaan Amalan Terbaik :

BIL	QR CODE GAMBAR DAN VIDEO	PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK
1		PEMBENTANGAN IDEA VANAKAM PPKI
2		SENAMAN PAGI
3		SARAPAN BERSAMA MURID

4



TARIAN KREATIF

5



SENAMAN PAGI

6



TERAPI CARA KERJA

7



TERAPI MUZIK

8



AKTIVITI PERKEBUNAN

Keberkesaan Amalan Terbaik Dilaksanakan

Mempengaruhi Tingkah Laku Murid ke Arah yang Lebih Positif

Program Vanakam PPKI merangsang murid-murid PPKI bersikap lebih positif sewaktu berada di dalam maupun di luar bilik darjah. Murid menjadi aktif dan menunjukkan minat yang mendalam dalam aktiviti PdPc yang dilaksanakan di dalam dan luar kelas selepas Program Vanakam PPKI dijalankan. Antara aktiviti yang menjadi kegemaran murid adalah aktiviti berkebun, permainan dan terapi Muzik. Setelah melakukan aktiviti berkebun mahu pun tarian, murid-murid sentiasa kelihatan ceria dan aktif di dalam kelas. Murid tidak lagi kelihatan muram atau sedih malah mereka lebih bersedia untuk mengikuti sesi PdPc seterusnya. Mereka juga mudah memberi respon dengan baik terhadap sesi PdPc yang dijalankan di dalam kelas. Dapatkan daripada Amalan Terbaik ini disokong oleh kajian Ramirez-Melendez, Matamoros, Hernandez, Mirabel, Sanchez, & Escude pada tahun 2022. Para pengkaji mendapati bahawa muzik dapat mempengaruhi emosi dan kemahiran sosial murid Autisma kearah yang lebih positif. Tambahan lagi, pengkaji mendapati murid dapat mengekspresi emosi mereka dengan baik dan dikenalpasti melalui mimik muka

murid. Selain itu Program Vanakam Pagi menggalakkan murid menjadi seorang individu yang lebih bertanggungjawab.

Meningkatkan Keupayaan Kognitif (Pemikiran) Murid PPKI

Pada umumnya Program Vanakam PPKI direka berdasarkan konsep permainan yang dapat memberi keseronokkan kepada murid. Dapatkan merumuskan bahawa Program ini juga dapat merangsang pemikiran murid secara tidak langsung. Perbualan harian murid bersama rakan-rakan di dalam kelas dan murid bersama guru merangsang keupayaan murid untuk bersosialisasi dengan orang lain. Murid juga dapat menguasai kosa kata yang lebih banyak dengan aktiviti perbualan harian yang dilaksanakan. Murid-murid berkefungsian tinggi sering menjadi pembimbing bagi murid-murid berkefungsian rendah dalam menjalankan tugas dan aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Dapatkan ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Adam (2016), yang mendapati penglibatan rakan sebaya ini meningkatkan keupayaan sosialisasi dan emosi murid dengan lebih baik. Murid-murid juga dapat mengatasi sikap rendah diri apabila berada di khalayak ramai. Murid juga tidak bergantung sepenuhnya kepada guru bagi melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan malah boleh berdikari dalam melaksanakan sebarang tugas yang diberikan. Murid-murid juga mendapat ruang dan peluang untuk menyatakan pendapat dan idea mereka kepada guru mereka. Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam Program Vanakam Pagi seperti tarian, senamrobik, nyanyian dan perkebunan diulang atas permintaan murid-murid.

Menghasilkan Motivasi Belajar Dalam Aspek Afektif (Emosi) yang Positif

Aspek afektif (emosi) merangkumi minat, sikap, konsep diri dan nilai. Aktiviti yang dirancang dalam Program Vanakam PPKI adalah berdasarkan pada minat murid-murid PPKI. Tarian adalah antara aktiviti pagi yang sangat menyeronokkan. Suasana yang ceria dan emosi yang lebih stabil dan tenang akan merangsang murid-murid untuk mengikuti PdPc di dalam kelas dengan lebih baik. Dapatkan ini seiring dengan dapatan kajian yang diperoleh Mariani yang menjelaskan bahawa main atau bermain merupakan aktiviti yang memberi kegembiraan dan kepuasan kepada kanak-kanak tanpa menimbangkan apakah hasil aktiviti. Erica dan Angela (2018) menyatakan bahawa pendekatan bermain sambil belajar memberikan keseronokan dalam proses belajar. Kaedah ini juga merupakan satu kaedah pengajaran yang dijalankan terhadap kanak-kanak dengan menjalankan aktiviti bermain dan pada masa yang sama mereka memproses maklumat dan kemahiran baharu serta mengasah kemampuan dan keterampilan diri mereka (Isa et.al, 2021). Kajian nyanyian menurut Khasanah (2014), menunjukkan nyanyian dapat membantu mengembangkan aspek afektif, kognitif dan psikomotor MBK kerana dapat memikat mood murid dengan pelbagai alunan, melodi, dinamika meskipun dimain berulangan kali, merdu dan penuh menyentuh perasaan.

Rumusan dan Cadangan

Secara kesimpulannya Program Vanakam PPKI ini dapat merangsang emosi murid – murid PPKI semasa berada di dalam kelas terutamanya di waktu pagi. Murid-murid menjadi lebih aktif dan bersemangat di dalam kelas apabila mengikuti Program Vanakam PPKI yang menjalankan aktiviti yang dapat memberi keseronokkan kepada murid dan seterusnya merangsang emosi murid yang lebih stabil. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam Program ini juga membolehkan murid menunjukkan tingkah laku yang lebih positif dan bersedia untuk

mengikuti sesi Pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain meningkatkan tingkah laku murid ke arah yang lebih positif, Program Vanakam PPKI juga dapat meningkatkan keupayaan kognitif sosial murid-murid PPKI.

Program Vanakam PPKI ini telah dirancang dan direka khas bagi murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan berdasarkan minat dan kecenderungan murid. Oleh yang demikian aktiviti-aktiviti yang dijalankan perlu diubahsuai dan diselaraskan sekiranya Program ini dijalankan di sekolah –sekolah lain. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan perlu dirancang dengan lebih teliti agar bersesuaian dengan minat dan keupayaan murid supaya Program ini dapat dijalankan dengan lebih lancar. Aktiviti-aktiviti berunsur terapi juga perlu diselitkan dengan lebih banyak dalam program ini agar dapat memberi impak yang besar kepada murid bukan sahaja dari segi emosi malah boleh meningkatkan keupayaan murid secara keseluruhannya. Pihak pentadbir juga perlu diberi pendedahan yang lebih jelas berkenaan dengan pelaksanaan program ini agar tidak berlaku sebarang salah faham antara guru-guru PPKI dan pihak pentadbiran berkenaan pelaksanaan program ini.

Rujukan

- Adam,D. (2016). The effectiveness of the buddy support system on teacher parent collaboration and students' social interaction in special education in Malaysia.
- Bonifacci,P. Montuschi,M. Lami, Laura & Snowling,M.J. (2014). Parents of children with Dyslexia: cognitive, emotional and behavioral profile. *Dyslexia* 20(2): 175-190.
- Erica,D. & Angela, P. (2018). Defining Play-based Learning. *Encyclopedia on Early Childhood Development*, 1-5. <https://www.child-encyclopedia.com/sites/default/files/texts-experts/en/4978/defining-play-based-learning.pdf>
- Delany,K. (2017). The experience of parenting a child with dyslexia : An Australian perspective. *Journal of Student Engagement: Education Matters* 7(1): 97-123.
- Ho, S. C. (2005). Program pengurusan tingkah laku untuk murid yang mempunyai kecelaran kurang daya tumpuan dan hiperaktiviti (ADHD) di kelas program integrasi pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isa, Z.M., Mustapha,M.C., Shamsudin,I.D., Bacotang,J & Piragasam,G.A.G., (2021). Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(2):27-34.
<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4095>
- Kaur,R.(2011). Panduan ulangkaji ilmu pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI). Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Khasanah,U. (2014). Pemanfaatan lagu sebagai pilihan bahan belajar bahasa. *Jurnal Aktual*, 1,.2.
- Latif,A.H.A et.al. 2017. Modifikasi masalah tingkah laku menggangu di dalam bilik darjah menggunakan intervensi "The Good Behavior Game". Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Loy, C. L. (2017). Boneka sebagai alat pedagogi dalam perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6, 45-56.
- Ramirez-Melendez, R., Matamoros, E., Hernandez, D., Mirabel, J., Sanchez, E., & Escude, N. (2022). Music-enhanced emotion identification of facial emotions in Autistic Spectrum Disorder children: A pilot EEG study. *Brain Sciences*, 12(6), 704. MDPI AG.
<http://dx.doi.org/10.3390/brainsci12060704>
- Schonert-reichl, K. A. (2017). Social and emotional learning and teachers. *Spring* 27(1).
- Yasin,M.H.M. (2005). Perbandingan pencapaian pelajar pendidikan khas (pekkak) menggunakan tiga format peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). [TesisDoktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Zaharah,O.(2016). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 5, 49-60.